

Mahathir sahkan bertemu Musa

KUALA LUMPUR 23 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengesahkan beliau telah mengadakan pertemuan dengan Datuk Musa Hitam di pejabatnya petang Isnin lalu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata pertemuan selama ½ jam dengan bekas Timbalan Perdana Menteri cuma perbincangan biasa.

DM 24 APR 1981
"Tidak ada apa-apa (dalam pertemuan itu). Kita cuma cakap-cakap sahaja," katanya semasa diminta mengulas laporan Utusan hari ini yang menyebut tentang pertemuan empat mata itu.

Menurut sumber-sumber, Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datuk Musa gembira dengan pertemuan itu yang disifatkan perbincangan terbuka untuk meluahkan perasaan yang tersirat di hati kedua-dua pemimpin itu ekoran perletakan jawatan Datuk Musa dari kerajaan yang berkuatkuasa pada 16 Mac.